

# **MAJLIS AKREDITASI DAN PENDIDIKAN SENIBINA MALAYSIA (MAPSM)**

Lembaga Arkitek Malaysia  
Tingkat 17, Blok F, Ibu Pejabat JKR, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur  
Peti Surat 12695, 50786 Kuala Lumpur  
Tel : 03-26982878 / 03-26107087 Fax : 03-26936881  
E-mel : info@lam.gov.my Web : www.lam.gov.my

## **PEKELILING AM MAPSM BIL.1/2016**

### **Peruntukan Khusus untuk Pemohon Warga Asing dari Luar Negara Berhubung Kemasukan ke Program Pascasiswa Senibina (setara LAM Bahagian II)**

Objektif pekeliling ini adalah untuk membolehkan pihak penyedia pendidikan senibina (AEP) mempertimbangkan kemasukan pemohon warga asing ke dalam program Sarjana Senibina (setara dengan LAM Bahagian II) selaras dengan aspirasi negara untuk menjadi Malaysia sebagai sebuah hub pendidikan di rantau ini:

1. Syarat kemasukan ke program yang setara dengan kelayakan LAM Bahagian II memerlukan seseorang pemohon memiliki ijazah Sarjana Muda Sains atau Sarjana Muda dalam senibina yang diiktiraf setara dengan kelayakan LAM Bahagian I dan telah memperolehi pengalaman praktikal selama tidak kurang dari enam (6) bulan seperti yang termaktub pada Kriteria 4 dalam dokumen *The Manual of Accreditation for Architecture Programme (MAAP)*.
2. Pemohon warga asing yang memiliki pengalaman berkerja di negara mereka atau luar negara selepas tamat pengajian selama tidak kurang dari enam (6) bulan, disertai dengan pengesahan bertulis dari majikan di tempat mereka bekerja yang telah disahkan oleh pihak AEP, boleh dipertimbangkan sebagai telah memenuhi sebahagian syarat kemasukan seperti yang dinyatakan dalam Klausa 1 di atas.
3. Walau bagaimanapun MAPSM memberi ruang kepada AEP dalam menggunakan budi bicara untuk memperkenalkan pelbagai inisiatif dan kaedah alternatif dalam mengurus kemasukan pelajar asing yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di atas seperti yang dijelaskan di bawah:
  - a) **Pemohon dengan ijazah yang tidak diiktiraf:**
    - i. Salah satu dari kaedah untuk memperolehi kelayakan LAM Bahagian I adalah dengan menawarkan kepada pemohon warga asing kemasukan ke dalam program senibina peringkat prasiswazah sebagai pelajar tanpa bergraduat (NGS)\* untuk tempoh satu semester atau lebih, hanya dengan tujuan untuk membolehkan pelajar berkenaan mengusahakan permohonan Kelayakan LAM Bahagian I.

- ii. Semasa berdaftar sebagai pelajar berstatus NGS, pelajar berkenaan perlu memohon kepada LAM untuk membolehkan ijazah yang telah diperolehi di negara mereka itu layak diiktiraf sebagai memenuhi keperluan Kelayakan LAM Bahagian I dengan menyediakan portfolio lengkap hasil-hasil kerja akademik yang lepas untuk dibentangkan kepada LAM seperti mana prosedur yang ditetapkan oleh Majlis Peperiksaan (rujuk prosedur peperiksaan LAM Bahagian I dan II di laman sesawang <http://lam.gov.my/index.php/examinations/part-i-and-ii.html>).
- iii. Sebahagian dari prosedur yang ditetapkan dalam prosedur peperiksaan LAM Bahagian I dan II, dan sekiranya pelajar berkenaan tidak memiliki portfolio yang lengkap, atau portfolio berkenaan gagal memuaskan panel peperiksaan portfolio yang dikendalikan oleh Panel Peperiksaan Bahagian I dan II, pelajar berkenaan boleh memohon untuk menduduki Peperiksaan Projek Rekabentuk Bersepadu (IDP) bagi membolehkan pemohon memperolehi kelayakan tersebut dalam tempoh semester berkenaan.

**b) Pemohon tanpa pengalaman praktikal minimum 6 bulan:**

- i. Pemohon tanpa pengalaman praktikal minimum 6 bulan berkemungkinan boleh dipertimbang untuk kemasukan sebagai pelajar berstatus NGS dan ditempatkan di firma arkitek tempatan untuk melalui tempoh pengalaman praktikal selama tidak kurang dari 6 bulan.

**c) Permohonan ke dalam program prasiswazah tempatan yang diiktiraf**

- i. Selain dari alternatif di atas, calon warga asing dengan ijazah senibina yang tidak diiktiraf boleh juga memohon kemasukan ke dalam program yang diiktiraf LAM Bahagian I secara pemindahan jam kredit keatas sebahagian pembelajaran terdahulu yang telah diperolehnya seperti yang dinyatakan di subseksyen 3.2.4(ii) dalam MAAP.
- ii. Dalam konteks di atas, subseksyen 3.2.4(ii) dalam MAAP membawa erti tempoh minimum pengajian tidak boleh kurang dari hasil keputusan pemindahan kredit yang tidak melebihi sepertiga dari jumlah keseluruhan jam kredit program berkenaan atau tempoh pengajian tidak kurang dari dua tahun bagi program tiga tahun.
- iii. Prosedur ini memberar calon untuk memenuhi keperluan ijazah yang diiktiraf tanpa perlu melalui proses yang dijelaskan dalam 3(a) di atas.

- 
- \* Pelajar tanpa bergraduat (NGS) didefinisi secara umum sebagai pelajar berdaftar dalam program sepenuh masa di institusi pengajian tinggi dimana peraturan pengajian yang sedemikian itu tidak membawa kearah penganugerahan ijazah program berkenaan. Pelbagai variasi mungkin wujud antara institusi pengajian tinggi yang menawarkan modul NGS seperti perpindahan kredit khusus, keperluan berdaftar di universiti di negara asal, ada atau tanpa perpindahan kredit, boleh berdaftar untuk satu atau dua semestcr, dan sebagainya.



( Ar. ZURAINA LEILY AWALLUDIN )  
Setiausaha Kehormat  
Majlis Akreditasi dan Pendidikan Senibina Malaysia

Februari 2016